


16 - 31 JULAI, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus sambil meneliti keupayaan pengoperasian Rumah Pam Taman Iping pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

# Projek tebatan banjir RM16.5 juta Taman Iping direalisasi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BATU MAUNG -** Penyempurnaan projek tebatan banjir berimpak tinggi di Sungai Nipah dekat Taman Iping bukan sahaja memberi kelegaan kepada lebih 2,000 penduduk di kawasan penempatan, malah juga membawa pelbagai manfaat bagi komuniti di kawasan komersial dan industri berdekatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek yang menelan kos sebanyak RM16.5 juta itu dimulakan pada 16 Mac 2018 dan berjaya disiapkan pada 26 Mac 2022 setelah tertangguh seketika akibat pandemik.

"Objektif utama pembangunan projek tebatan banjir ini adalah untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan penempatan antaranya di Taman Iping, Taman Seri Mewah dan Taman Sri Indah serta kawasan komersial dan industri yang berada di sepanjang lembangan sungai berkeluasan 3.2 kilometer (km) ini.

"Terdapat dua komponen utama bagi projek ini iaitu pembinaan rumah pam Taman Iping 1 di Jalan Batu Maung dengan kapasiti pam enam meter padu per saat ($m^3/s$) dan satu lagi Taman Iping 2 (bersebelahan Akuarium Tun Abdul Rahman, AkuaTAR) dengan kapasiti pam $7m^3/s$.

"(Dan) projek ini direka bentuk untuk menampung intensiti hujan sehingga 20 ARI atau *average recurrence interval*," ujarnya pada Majlis Perasmian Rumah Pam Taman Iping di sini pada 9 Jun 2022.

Menurut Kon Yeow, daripada keseluruhan lapan projek RTB dengan kos sebanyak RM150 juta, sebanyak empat projek telah berjaya disiapkan menerusi agensi pelaksana Kerajaan Negeri iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah menyiapkan empat projek iaitu RTB Parit 4, RTB Parit 5 (masing-masing di Seberang Perai Tengah, SPT); RTB Mak Mandin dan yang terkini RTB Taman Iping di sini.

"(Dan) baki empat projek lagi berada dalam beberapa fasa kemajuan memberangsangkan iaitu RTB Bayan Baru yang dijangka siap dalam masa terdekat ini, manakala projek di Kolam Takungan Alma dan Sungai Tiram (Kampung Naran) kini dalam fasa pembinaan serta RTB Permatang Rawa dalam proses reka bentuk semula.

"Selain itu, terdapat dua projek lain kini dalam proses kerja-kerja permulaan di tapak pada 1 Jun lalu iaitu Projek Tebatan Banjir Van Praagh dan Projek Tebatan Banjir Parit Monsun di Kampung Pokok Assam (kedua-duanya dalam daerah Timur Laut, DTL).

"Bagi Projek Tebatan Banjir Taman Tembikai (SPT) pula akan ditenderkan dalam masa terdekat yang mana ketiga-tiga projek ini menggunakan peruntukan pembangunan negeri dan amanah caruman perparitan," jelasnya yang kemudiannya dibawa melawat ke rumah pam tersebut.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow berharap projek-projek yang telah memperoleh kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan seperti RTB Sungai Pinang (DTL); RTB Taman Siakap (SPT) dan RTB Sungai Kecil (Seberang Perai Selatan, SPS) dapat dilaksanakan secepat mungkin.

*(Sambungan di muka 2).*

# Pengakap, platform pembentukan jati diri generasi muda berwawasan



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (duduk, tengah) dan Ketua Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kehormat dan para penerima penganugerahan bersempena Majlis Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja di sini baru-baru ini.

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak menganugerahkan Sijil Pengakap Raja kepada 27 ahli pengakap remaja berkenaan di seluruh negeri ini.

Dalam majlis penuh istiadat, beliau yang juga Penaung Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang turut berkenan menganugerahkan bintang serta pingat kepada 335 penerima terpilih atas penglibatan aktif serta bakti terpuji yang disumbangkan oleh mereka dalam mengharumkan pergerakan pengakap di negeri ini.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang memberitahu bahawa pergerakan tersebut adalah kekal relevan sehingga kini terutama dalam melahirkan modal insan di samping menjadi platform pembentukan jati diri generasi muda yang disiplin, berwawasan dan bertanggungjawab.

"Model dan program yang diguna pakai telah membantu ahli pengakap bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dalam kehidupan bermasyarakat.

"Sebagai negeri pertama yang menubuhkan Pergerakan Pengakap Malaysia di negara ini pada sekitar tahun 1908, adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab saya untuk memastikan Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang untuk kekal unggul dan berprestij," ujarnya dalam Majlis Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja di sini pada 5 Jun 2022.

Selain itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut berpendapat bahawa tumpuan serta pendekatan yang dimainkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia di negeri ini adalah selari dengan usaha Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 dengan tema 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara'.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut mengulas perkara-perkara yang dibangkitkan pada peringkat pengurusan tertinggi Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang terutamanya perihal tapak kem bagi membolehkan aktiviti-aktiviti berpengakap dijalankan dengan lebih tersusun dan teratur pada masa depan.

"Umumnya, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang halangan, dan saya percaya bahawa perkara ini telah diteliti serta berada pada peringkat akhir perbincangan," katanya sambil mengalu-alukan cadangan demi memastikan golongan belia terutamanya anggota pengakap mendapat kemudahan sewajarnya.

Sebelum itu, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang, Zulkafli Kamaruddin mengetuai istiadat majlis melafaz ikrar setia sekalian anggota pengakap di depan Tun Ahmad Fuzi dan Kon Yeow.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Timbalan Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri; Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara merangkap Ketua Pengakap Negara, Mejar Jeneral (B) Profesor Datuk Dr. Mohd. Zin Bidin serta beberapa wakil pengakap antarabangsa merupakan antara tetamu kehormat yang hadir bagi menyaksikan majlis istiadat tersebut di sini.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Manfaat kepada komuniti

"Masih terdapat beberapa projek RTB lain berada pada peringkat kajian dan reka bentuk yang menggunakan peruntukan kedua-dua pihak (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri).

"Kita berdoa agar proses kajian dan reka bentuk ini dapat disiapkan mengikut jadual dan kemudiannya disusuli dengan kerja-kerja pembinaan," katanya sambil menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri untuk mengurangkan sebanyak 80 peratus daripada 63 kawasan *hotspot* banjir menjelang tahun 2030 nanti.

Terdahulu, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari memaklumkan bahawa beliau amat gembira apabila projek RTB Taman Iping berkaitan dapat disiapkan meskipun terlewat daripada jadual asal iaitu jangkaan pada pertengahan bulan Januari 2021.

Selain Zairil, hadir sama pada majlis tersebut ialah Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Timbalan Pengarah JPS Pulau Pinang, Ooi Soon Lee; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri.



REKA bentuk pam.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# RM4.5 juta projek pulihara FORT CORNWALLIS berjalan lancar

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Wajah baharu *Fort Cornwallis* berserta parit terusan air dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun 2024, dan kembali dibuka kepada umum pada suku tahun berikutnya tertakluk kepada kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan sejarah dunia itu berjalan lancar mengikut jadual pemajuan.

Setakat ini, kerja-kerja pemuliharaan semula 10 unit muzium arkeologi atau bangunan warisan tempat menyimpan khazanah sejarah purba di *Fort Cornwallis* siap sepenuhnya, dan dijangka dibuka kepada pengunjung domestik dan pengembara antarabangsa pada akhir tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa setakat ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM4.5 juta dalam kerja-kerja memulihara semula bangunan muzium arkeologi tersebut.

"Projek pemuliharaan ini adalah melibatkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri melalui agensinya Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan *Aga Khan Trust for Culture* (AKTC) sebagai badan penasihat teknikal.

"Pastinya, kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan dunia di *Fort Cornwallis* selepas ini tertumpu pada dua fasa (berbaki) iaitu kerja-kerja mengembalikan semula parit terusan di utara (bangunan kota warisan) yang bertentangan dengan bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, dan kerja-kerja mengembalikan semula parit terusan di barat kota ini.

"*Fort Cornwallis* disenaraikan sebagai bangunan warisan Kategori 1 oleh Jabatan Warisan Negara dan bangunan ini merupakan antara struktur binaan tertua yang mempunyai nilai warisan (ketara) terutama di negeri Pulau Pinang," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi selepas mengadakan jerayawara ke tapak kerja-kerja pemuliharaan tersebut di sini 31 Mei lalu.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Harapan turut menyertai jerayawara tersebut.

Beberapa wakil Think City seperti Profesor Ar. Laurence Loh (Pengarah); Francesco Siravo (Penasihat Teknikal); Santo Giovawwi (Pengurus Teknikal); Shaiful Shahidan (Pegawai Penyelidik dari Universiti Sains Malaysia, USM) dan Ain Ali (Pembantu Penyelidik USM) yang mengiringi barisan pemimpin Kerajaan Negeri berserta taklimat mengenai tahap pemajuan bagi kerja-kerja pemuliharaan sekitar tapak warisan dunia UNESCO tersebut.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut menjelaskan bahawa ketiga-tiga fasa pemuliharaan sekitar *Fort Cornwallis* tersebut turut disenarai di bawah Rancangan Kawasan Khas (RKK) George Town atau *George Town Special Area Plan*.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi pula memberitahu bahawa kerja-kerja pemuliharaan serta mengembalikan semula parit terusan di utara dan barat *Fort Cornwallis* akan mengambil masa selama kira-kira dua tahun dan dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2025.

"Setakat ini, perbelanjaan adalah sebanyak RM4.8 juta, di samping peruntukan untuk kerja-kerja pemuliharaan semula parit terusan juga telah diluluskan (berjumlah RM7.2 juta).

"Proses tender akan dimulakan pada tahun ini juga, dan sekarang kita dalam proses melantik juruperunding dan Laurence Loh akan mengetuai jawatankuasa teknikal sebelum kerja-kerja tanah dimulakan nanti pada suku akhir tahun ini (2022).

"Kerja-kerja tanah berkaitan akan mengambil masa selama dua tahun, ertinya projek ini dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2025," ulasnya.

Difahamkan, kerja-kerja pemuliharaan semula dalam tiga fasa sekitar tapak *Fort Cornwallis* tersebut merupakan salah satu daripada 14 komponen projek di bawah Pelan Induk Pesisir Pantai Utara Pulau Pinang *(Penang Northern Seafront Masterplan)*.

Di bawah pelan sama, satu komponen lain iaitu projek pengukuhan dan penambahbaikan tembok penahan ombak berserta sesiaran pejalan kaki sepanjang 570 meter (m) dari Medan Selera Renong ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah baru-baru ini berjaya disiapkan dan kembali dibuka kepada umum.




KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkaitan di pintu masuk *Fort Cornwallis* bersempena lawatan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.





**SEBAHAGIAN artifak yang ditemui.**



ILUSTRASI grafik parit terusan yang bakal 'dikembalikan'.



PEMANDANGAN senja yang memukau sambil memperlihatkan 10 unit muzium arkeologi.

# TF AMD umum pelaburan RM2 bilion, bangunkan fasiliti baharu




KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan TF AMD menyempurnakan gimik pelancaran majlis pecah tanah pembangunan fasiliti baharu syarikat itu dekat sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS** - Syarikat semikonduktor gergasi, TF AMD Microelectronics Sdn. Bhd. (TF AMD) mengumumkan pelaburan berjumlah RM2 bilion bagi membangunkan fasiliti pembuatannya di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP).

Fasiliti terbaru itu bakal dibangunkan di atas kawasan seluas 14 ekar dengan anggaran keluasan mencecah 1.5 juta kaki persegi dengan dilengkapi kemudahan berteknologi tinggi dan dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2023.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembangunan pesat di tapak BKIP menunjukkan bahawa Pulau Pinang mempunyai persekitaran perniagaan yang kondusif dan disokong oleh rantaian bekalan berdaya tahan serta infrastruktur dan kumpulan bakat terbaik.

"Pulau Pinang sebagai perintis dalam industri semikonduktor amat berbesar hati melihat TF AMD mengukuhkan kedudukan di negeri ini yang pastinya akan membuka peluang kepada pelbagai sektor.

"Melalui *InvestPenang* dan agensi negeri lain berkaitan, saya yakin bahawa Pulau Pinang amat komited untuk memenuhi jangkaan pelabur dan memastikan 50 tahun lagi kedudukan yang kukuh dengan TF AMD.

"(Dan) dengan pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E), saya yakin pelan pembangunan strategik ini akan menyediakan peluang besar dalam membangunkan bakat tempatan yang berdaya saing serta mahir dalam penyelesaian pengkomputeran berprestasi tinggi," ujarnya pada majlis pecah tanah pembangunan fasiliti baharu di sini pada 14 Jun 2022.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa setelah menjadi pemain industri utama dalam membangunkan kapasiti dan keupayaan ekosistem semikonduktor di negara ini, TF AMD juga komited mewujudkan peluang kerjasama dengan universiti serta vendor tempatan.

"Secara khusus, saya difahamkan bahawa syarikat ini (TF AMD) menyasarkan untuk mengambil pekerja baharu sehingga 3,000 orang dengan latar belakang sains dan teknikal dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Usaha ini adalah untuk membangunkan kumpulan bakat tempatan yang kukuh melalui pelbagai program latihan bagi mendepani Revolusi Industri 4.0 sekali gus menjana limpahan kumpulan bakat yang berkemahiran tinggi dalam bidang automasi dan perkhidmatan kejuruteraan.

"Malah, kehadiran TF AMD di Batu Kawan nanti akan merancakkan lagi bidang E&E bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi juga Malaysia," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan merangkap Naib Presiden Korporat TF AMD, Neoh Soon Ee memaklumkan bahawa AMD mempunyai pertumbuhan yang memberangsangkan dalam beberapa tahun lalu dan gabungan TF AMD sebagai pembekal dan rakan kongsi strategik telah menyokong perkembangan yang positif.

"Fasiliti terbaharu TF AMD adalah yang kedua di negeri ini dan apabila siap kelak ia akan menjadikan kapasiti pengeluaran keseluruhan cecah 2.3 juta kaki persegi," katanya.

Sebagai rekod, TF AMD adalah sebuah syarikat usaha sama yang ditubuhkan pada tahun 2016 antara *TongFu Microelectronics China* (TFME) dan *Advanced Micro Devices* (AMD) yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Pengerusi TF AMD, Shi Ming Da yang turut serta secara virtual menyaksikan pengumuman tersebut menyatakan bahawa Malaysia mempunyai lokasi geografi strategik di samping persekitaran perniagaan yang baik dan tenaga kerja yang tekun serta berpengetahuan.

"Ciri-ciri inilah yang mengukuhkan keyakinan kami untuk terus melabur di Malaysia, khasnya di Pulau Pinang.

"Momentum pertumbuhan TF AMD dalam sektor semikonduktor dan menjadi salah satu pembekal perkhidmatan pemasangan dan ujian terbaik di dunia telah membuka lembaran baharu dan kami bersedia melonjak ke hadapan serta merintis masa depan yang lebih gemilang," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Eksekutif AMD merangkap Ketua Pegawai Kewangan dan Bendahari, Datuk Devinder Kumar memberitahu bahawa Pulau Pinang telah memainkan peranan penting dalam pemasangan serta ujian untuk AMD dan TF AMD selama 50 tahun.

"Kami amat berbesar hati untuk menandakan satu lagi peristiwa penting dalam sejarah industri dengan membangunkan satu lagi fasiliti di Pulau Pinang," ulasnya.

Antara kenamaan yang hadir sama pada majlis tersebut ialah Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Arham Abdul Rahman; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan.

---

# Hijau dan pintar, pembangunan panel solar dipergiat

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



JAGDEEP Singh Deo (tengah) meninjau panel solar yang dipasang di salah sebuah bangunan pada sidang media dekat sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selangkah lagi ke depan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau, bersih dan pintar apabila projek sistem solar yang diusahakan secara bersama dengan Syarikat Ditrolic Sdn. Bhd (Ditrolic) siap dipasang pada penghujung tahun 2021.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa sebanyak 222 panel solar telah dipasang serta melibatkan empat buah bangunan milik MBPP iaitu Jabatan Penguatkuasaan, Kompleks Sukan Bandaraya Relau, Pusat Kawalan Vektor & Veterinar, Bahagian Kesihatan Persekitaran dan Kompleks Pasar Bayan Baru.

"Selain memastikan kadar pencemaran alam sekitar dapat diminimumkan melalui penggunaan sistem solar, inisiatif ini dapat menjimatkan kos bayaran bil elektrik.

"Hal ini kerana segala kos penyelenggaraan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat Ditrolic selama tempoh kontrak 25 tahun," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat di sini 13 Jun lalu.

Sambil menjelaskan bahawa segala risiko luar jangka adalah di bawah tanggungjawab syarikat berkenaan, Jagdeep memberitahu bahawa purata anggaran jumlah penjimatan bil elektrik hasil daripada pemasangan solar hampir mencecah RM330,000 setahun.

Bercakap pada sidang media sama, Setiausaha Kerajaan Tempatan, Nur 'Aishah Md. Norodin menyatakan bahawa lebih banyak projek pemasangan panel solar dilakukan pada masa akan datang meliputi kawasan Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Selatan (SPS) serta Barat Daya.

"Sebagai makluman, pemasangan panel solar ini melibatkan empat pejabat daerah dan tujuh bangunan yang membawa jumlah keseluruhan sebanyak 11 sistem solar.

"Sudah tentu lebih banyak pemasangan akan dilakukan untuk menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dan pintar memandangkan ia keutamaan kita disebabkan krisis perubahan iklim yang melanda dunia ketika ini," ulasnya lanjut.

Difahamkan, sehingga kini, sebanyak empat pemasangan solar telah dijalankan di bahagian Seberang Perai melibatkan Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan pejabat cawangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Jurutera Kanan (Mekanikal & Elektrikal) MBPP, Othman Abdul Latiff dan wakil dari Tenaga Nasional Berhad (TNB), Abdul Manan Abdul Rahman turut sertai sidang media tersebut.

# PIDL, *Al-Hady Centre* mercu tanda baru pembangunan pendidikan Islam

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (barisan depan di posisi tengah) sambil diiringi Ketua Menteri menandatangani plak PIDL pada Majlis Perasmian PIDL dan Al-Hady Centre serta Sambutan Jubli Perak KITAB di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang mencipta satu lagi sejarah melalui penubuhan *Penang Islamic Digital Library* (PIDL) dan *Al-Hady Centre* (AHC) yang pertama di negeri ini.

Majlis perasmian kedua-dua institusi Islam berkenaan disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan turut dihadiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Ahmad Fauzi berkata bahawa PIDL dan *Al-Hady Centre* bakal menjadi mercu tanda baharu bagi pendidikan Islam yang julung kalinya dibangunkan di negeri ini demi manfaat seluruh masyarakat Pulau Pinang.

"Kedua-dua institusi ini bakal menjadi platform terbaik bagi menyalurkan ilmu dan maklumat dalam pelbagai bidang terutamanya sains Islam kepada seluruh masyarakat di negeri ini.

"Di samping itu, PIDL tentunya menjadi saluran terbaik dalam memperkasakan aspirasi Kerajaan Negeri ke arah melahirkan komuniti pintar dan membangunkan masyarakat yang berintegriti.

"Saya juga yakin bahawa usaha berterusan Kerajaan Negeri dan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dalam merealisasikan PIDL adalah amat tepat dalam melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran, berintegriti, berkualiti serta berdaya saing.

"Justeru, pelaksanaan inisiatif pintar ini diharap dapat membentuk generasi pintar yang berupaya meningkatkan pembangunan sosial lebih makmur," katanya dalam Majlis Perasmian PIDL dan Al-Hady Centre serta Sambutan Jubli Perak KITAB dekat perkarangan Masjid Negeri di sini 26 Mei lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang, Dr. Roslan Ahmad; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Ayer Tawar merangkap Ahli Lembaga Pengarah KITAB, Dato' Mustafa Kamal Ahmad; Rektor KITAB Pulau Pinang, Profesor Dr. Mohamad Abdul Hamid serta ramai lagi.

Tambah Ahmad Fuzi, penubuhan *Al-Hady Centre* oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula dilihat mampu mengintegrasikan pemikiran serta ketamadunan bagi tujuan pendidikan dalam bidang politik, ekonomi, sosial, sains dan teknologi dari perspektif Islam.

"Saya percaya penubuhan pusat kajian ini adalah bersempena nama seorang tokoh pembaharuan terkemuka negeri Pulau Pinang dan adalah selari dengan visi serta misi agenda Khaira Ummah 2030 iaitu untuk mempersiapkan umat Islam terbaik untuk negeri ini," ujarnya lanjut.

Sementara itu, Kon Yeow menyatakan bahawa kedua-dua insititusi berkenaan dikendalikan sepenuhnya oleh KITAB dan merupakan institusi pengajian tinggi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa PIDL merupakan kesinambungan daripada penubuhan empat perpustakaan digital oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meletakkan Pulau Pinang sebagai salah satu pusat kecemerlangan sains dan teknologi yang unggul.

"PIDL merupakan perpustakaan Islam secara maya moden pertama dibangunkan di Pulau Pinang dengan peruntukan RM5 juta yang menyediakan lebih daripada 1,500 bahan bacaan Islamik secara digital.

"Kemudahan yang disediakan ini dilihat dapat meningkatkan produktiviti, ilmu pengetahuan sekali gus mempercepat usaha kita untuk memperkasakan matlamat dalam mewujudkan ekosistem dan komuniti pintar, berteknologi serta berpengetahuan tinggi.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri berharap agar kemudahan PIDL ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar dan golongan profesional dalam segenap institusi serta seluruh warga negeri ini," katanya.

Tambah Kon Yeow, penubuhan *Al-Hady Centre* iaitu pusat kajian pemikiran dan ketamadunan Islam negeri Pulau Pinang merupakan salah satu daripada 68 janji yang terkandung dalam manifesto Saya ❤ Pulau Pinang.

"Bersesuaian dengan adanya PIDL sebagai sumber maklumat secara digital, ia akan saling melengkapi fungsi dan peranan AHC sebagai sebuah entiti yang mengintegrasikan pemikiran serta ketamadunan Islam melalui aktiviti penyelidikan saintifik," ulasnya.

Pada majlis itu juga, Ahmad Fuzi turut menyempurnakan acara penanaman pokok sebelum meninjau kemudahan yang disediakan di PIDL dan AHC.

## Robina Eco Park manfaatkan komuniti dan ekonomi setempat

**TELOK AIR TAWAR -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa kejayaan pembangunan Fasa 1 dan Fasa 2 Robina Eco Park memberi gambaran jelas berhubung kejayaan projek berkaitan selaras Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Menurut beliau, Robina Eco Park Fasa 2 yang dibiayai Kerajaan Negeri sebanyak RM2 juta tersebut adalah berkeluasan 3.9 ekar, dan merupakan kesinambungan daripada projek Fasa 1 yang dibangunkan seluas 4.5 ekar.

"Antara segmen serta komponen yang dinaik taraf adalah merangkumi pembinaan tempat letak kenderaan, dataran, pengecatan tandas, pentas terbuka serta kerja-kerja elektrikal.

"Justeru, bagi fasa seterusnya, saya mengambil maklum akan hasrat MBSP bagi meneruskan Fasa 3, dan Kerajaan Negeri akan menimbang setelah memperoleh maklumat lanjut khususnya mengenai perbelanjaan dalam menjayakan projek tersebut," ujarnya pada Majlis Perasmian Robina Eco Park Fasa 2 dekat Pantai Robina di sini 29 Mei lalu.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak yang menyempurnakan majlis pelancaran berkaitan.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Ayer Tawar, Dato' Mustafa Kamal Ahmad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad dan dif-dif jemputan yang lain.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa Robina Eco Park Fasa 1 yang diwujudkan oleh MBSP sebelum ini telah mencapai objektif sebagai projek komuniti.

"Untuk Fasa 2, Kerajaan Negeri melihat kejayaan Fasa 1 sebagai projek yang bagus untuk dijayakan dengan komponen menyediakan tapak kendera saji supaya ekonomi tempatan dapat digerakkan melalui projek ini," ulasnya.

Dalam pada itu, Azhar semasa berucap memberitahu bahawa taman di sini dinamakan sebagai *'eco park'* ekoran ciri-ciri hijau yang diwujudkan seperti penanaman rumput di keseluruhan tapak, kenderaan tidak lagi dibenarkan memasuki taman ini, penggunaan lampu solar, penyediaan laluan basikal serta menanam pokok renek.

"Malah, ciri-ciri lain yang menarik adalah panorama matahari terbenam, sudut fotografi, lukisan mural pemimpin tempatan dan pantai berpasir," jelasnya.




**PEMANDANGAN Robina Eco Park Fasa 2 yang dibiayai Kerajaan Negeri sebanyak RM2 juta membabitkan kawasan berkeluasan 3.9 ekar.**

# Bukit Bendera terima sijil Rizab Biosfera UNESCO

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**AIR PUTIH -** Pengiktirafan Bukit Bendera Sebagai Tapak Rizab Biosfera Di Bawah Program The Man and The Biosphere (MAB) UNESCO Rizab Biosfera UNESCO menjadikannya pengiktirafan ketiga dalam negara selepas Rizab Biosfera Tasik Chini (Pahang) dan Rizab Biosfera Banjaran Crocker (Sabah).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pengiktirafan berkaitan merupakan penghargaan kedua yang diterima Pulau Pinang selepas George Town diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008.

"Sudah tentu di sebalik projek ini, terdapat sebuah pasukan yang giat melakukan aktiviti penyelidikan serta menyediakan dokumen pencalonan sejak tahun 2016 dan setelah berusaha selama empat tahun, ia akhirnya berjaya dihantar ke UNESCO untuk penilaian pada bulan September 2020.

"Pada 15 September 2021, Rizab Biosfera Bukit Bendera berjaya disenaraikan di bawah Program Manusia dan Biosfera UNESCO pada Mesyuarat The 33rd Session of The Man and The Biosphere Programme International Coordinating Council (MAB-ICC) yang diadakan di Abuja, Nigeria pada 13 September 2021 hingga 17 September 2021 setelah hampir setahun proses penilaian dijalankan.

"Sebagaimana impian bersama dalam merealisasikan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, detik bermakna ini telah menjadi batu loncatan yang amat penting buat Pulau Pinang bagi merancakkan lagi agenda pembangunan lestari," ujarnya pada Majlis Penyerahan Sijil Pengiktirafan Bukit Bendera Sebagai Tapak Rizab Biosfera Di Bawah Program MAB UNESCO di sini 11 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Datuk Ali Biju; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dan Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), Dato' Cheok Lay Leng.



**KETUA Menteri bersama-sama dif-dif jemputan menunjukkan sijil pengiktirafan Bukit Bendera sebagai Tapak Rizab Biosfera Di Bawah Program MAB UNESCO pada majlis penyerahan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Tambah Kon Yeow, ekoran pengiktirafan Rizab Biosfera Bukit Bendera tersebut, Kerajaan Negeri amat teruja untuk terus meningkatkan usaha bagi menjadikan Bukit Bendera dan kawasan sekelilingnya sebagai destinasi ekopelancongan pilihan serta lokasi pembelajaran bertaraf dunia bagi meneroka serta menggambarkan kaedah pemuliharaan, pembangunan lestari, pendidikan dan penyelidikan.

"Bagi menyahut usaha ini, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.22 juta di bawah Bajet Negeri 2022 kepada Taman Botani Pulau Pinang yang merupakan sebahagian kawasan di bawah Rizab Biosfera Bukit Bendera.

"Bajet tersebut merangkumi peruntukan untuk pembangunan, pembaikan dan penaiktarafan kemudahan, infrastruktur, landskap dan hortikultur," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Dalam sidang media yang diadakan seusai majlis berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa PBBPP akan menubuhkan sebuah unit kerja khas bagi memastikan rizab biosfera berkaitan kekal terpelihara sebagaimana garis panduan ditetapkan UNESCO.

"Serentak itu, Kerajaan Negeri juga akan menyediakan pelan pengurusan, malah juru perunding juga sudah dilantik untuk melihat bagaimana kita dapat memastikan pemeliharaan, pemulihan dapat dilakukan dengan mematuhi segala garis-garis panduan serta syarat ditetapkan UNESCO.

"Pengiktirafan ini bukanlah satu penamat, tetapi satu permulaan kepada suatu tanggungjawab yang besar," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

# The Millennia@Bayan Lepas hab pembangunan strategik kendalian LPNPP

**PANTAI JEREJAK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa projek perumahan mampu milik pertama di bawah kendalian Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dikenali The Millennia@Bayan Lepas bakal menjadi hab pembangunan yang rancak dan strategik.

Ini kerana, menurut beliau adalah disebabkan lokasinya yang terletak di Jalan Mayang Pasir, Bukit Gedong iaitu sebuah kawasan amat sesuai kepada pemain industri terutamanya sektor perkilangan.

"Umumnya, projek ini terletak di pusat pembangunan yang rancak, justeru ia dilihat amat sesuai ekoran projek berkaitan akan menyediakan unit-unit Rumah Mampu Milik (RMM) kepada golongan pekerja di kawasan industri Bayan Lepas mahupun aktiviti-aktiviti komersial ataupun institusi serta agensi kerajaan yang bertapak sekitar ini.

"Di atas tanah seluas 8.70 ekar, pembangunan projek ini akan merangkumi komponen-komponen yang masih tertakluk kepada kelulusan teknikal daripada pihak berkuasa dengan anggaran minimum keseluruhan unit rumah yang akan dibina adalah berjumlah 864 unit," ujarnya pada Majlis Pelancaran Rumah Mampu Milik (RMM) Pulau Pinang The Millennia@ Bayan Lepas di sini 28 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Pengurus Besar LPNPP, 'Ainul Fadhilah Samsudi.

Tambah Kon Yeow, selain berusaha menyediakan projek baharu, Kerajaan Negeri juga giat mengusahakan *'urban renewal'* atau pembangunan semula kawasan penempatan lama ke arah yang lebih baik.

"Rasanya perkara ini bukan baharu kerana sebelum ini iaitu 10 tahun lalu pun kita (Kerajaan Negeri) sudah bincang membabitkan beberapa kawasan untuk melaksanakan inisiatif ini seperti di Padang Tembak, Taman Free School dan Bayan Baru ini sendiri.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan dif-dif jemputan khas menyempurnakan Majlis Pelancaran RMM Pulau Pinang The Millennia Bayan Lepas di sini baru-baru ini.**

"LPNPP juga sudah melihat *'Five Point Blocks'* Bayan Baru yang bakal menjadi projek pertama LPNPP dibangunkan menerusi pendekatan berkaitan.

"Ia dijangka melibatkan pemindahan penduduk asal sebelum pembangunan semula perumahan yang lebih tinggi serta keluasan lantai bersesuaian," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Jagdeep ketika bercakap kepada pemberita memaklumkan bahawa projek The Millennia@Bayan Lepas bakal membangunkan RMM maksimum RM300,000.

Difahamkan, projek tersebut akan memulakan kerja-kerja fizikal dalam tempoh tujuh hingga lapan bulan daripada sekarang.

# Naik taraf Loji Rawatan Air Sungai Dua sebagai jaminan bekalan air hingga 2030

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



KETUA Menteri sambil ditemani Ir. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) meneliti pengoperasian Loji Rawatan Air Sungai Dua bersempena lawatan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

**SUNGAI DUA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa kerja-kerja pengemaskinian dan penaiktarafan Loji Rawatan Air Sungai Dua dilihat sebagai keperluan, dan juga tepat pada masanya setelah 'perkhidmatannya' dalam tempoh 50 tahun sebelum ini.

Selaras itu, menurut beliau, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menggerakkan usaha-usaha berkaitan termasuk pengemaskinian pusat pentadbiran yang bermula pada Oktober 2019 dan siap setahun kemudian dengan kos berjumlah RM2.73 juta.

"Kerajaan Negeri menerusi PBAPP perlu memastikan Loji Rawatan Air Sungai Dua terus beroperasi dengan lancar dan cekap sehingga tahun 2050.

"Kita (Pulau Pinang) memerlukan loji ini untuk terus membekalkan sejumlah besar air terawat menggunakan teknologi rawatan air konvensional, sehinggalah PBAPP dapat menggunakan teknologi lain seperti penyahgaraman untuk memenuhi permintaan air Pulau Pinang pada masa hadapan.

"Selaras peranan penting yang dimainkan Loji Rawatan Air Sungai Dua dalam mengeluarkan lebih 80 peratus air terawat dibekalkan di seluruh Seberang Perai dan bahagian pulau Pulau Pinang, loji ini termasuk pusat pentadbirannya perlu diuruskan untuk mematuhi keperluan pensijilan ISO antaranya, ISO 9001:2015 untuk Kualiti; ISO 45001: 2018 untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; ISO/IEC 27001:2013 untuk Keselamatan Informasi dan MS ISO/IEC 17025:2005 untuk Pengujian Air," ujarnya pada Majlis Perasmian Pusat Pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Dua, Seberang Perai Utara (SPU) di sini 10 Jun lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Selain pusat pentadbiran, Kon Yeow turut meninjau kemajuan Fasa 2 Projek Naik Taraf Tangki Pemendapan yang sangat perlu terutama melibatkan isu bekalan air yang amat mendesak di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Saya turut mengadakan lawatan ke Makmal Pusat PBAPP yang canggih serta bertanggungjawab untuk persampelan dan pengujian air secara berterusan setiap hari.

"Malah, turut diadakan adalah lawatan tapak cadangan Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua yang akan disegerakan bagi meningkatkan lagi kapasiti loji ini menjelang 2023," ulasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa projek tersebut telah bermula pada Mac 2022, dan PBAPP telah diarahkan untuk menyiapkannya pada Disember 2023 sebagaimana dijadualkan.

"Walaupun projek skala besar seperti Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) tidak berjalan, namun kerja-kerja naik taraf seperti tersenarai juga penting untuk jaminan bekalan dan menampung bekalan air sehingga tahun 2030," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Tambah Kon Yeow yang juga Pengerusi PBAPP, di sebalik penaiktarafan fasiliti, PBAPP juga perlu menekankan pengurusan permintaan sama ada peringkat domestik mahupun komersial.

"Memang ada kaedah untuk menguruskan permintaan (air) supaya apa yang dicapai melalui peningkatan kapasiti air mempunyai lebihan (surplus) untuk kegunaan lain," katanya.

Dalam pada itu, Jaseni ketika diminta mengulas mengenai pengurusan permintaan air menyatakan bahawa kadar penggunaan air di Pulau Pinang adalah antara yang tertinggi.

"Kadar penggunaan di Pulau Pinang adalah 308 liter per kapita setiap hari, sebaliknya di Singapura, penduduk republik berkaitan hanya menggunakan 150 liter air sehari iaitu 50 peratus lebih rendah.

"Apabila Ketua Menteri sebut tentang pengurusan permintaan air, kita (PBAPP) juga telah menghantar semakan tarif air kepada SPAN (Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara) pada Mac lalu berserta pihak-pihak berkuasa air seluruh Malaysia," ujarnya.

## Kontraktor diharap jalankan projek penuh integriti



ZAIRIL Khir Johari pada sesi Cabutan Kerja Undi Perdana 2022 JKR Pulau Pinang Kali Ketiga di sini baru-baru ini.

**SUNGAI PINANG –** Sebanyak 57 projek Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri bernilai RM2.96 juta ditentukan melalui Cabutan Undi Perdana 2022.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa cabutan yang dilakukan secara langsung dalam talian itu adalah bagi menentukan kontraktor yang berjaya membida projek-projek berkenaan.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa kaedah tersebut juga adalah bagi memastikan cara kerja yang praktikal serta proses semak serta imbang lebih berintegriti.

"Kita memanfaatkan kaedah digital pasca pandemik bukan sahaja untuk memudahkan para kontraktor, malah menunjukkan ketelusan dalam urusan kerajaan.

"Kaedah penggunaan teknologi ini juga adalah usaha mencapai digitalisasi selaras dengan visi Penang2030 untuk mentransformasikan urusan Kerajaan Negeri agar ia lebih cekap dan cepat.

"Justeru, kali ini, sebanyak 57 projek telah melalui proses cabut undi melibatkan kerja-kerja jalan, pembangunan, kerja-kerja mekanikal dan lain-lain dengan kos hampir RM3 juta dana Kerajaan Negeri," ujarnya pada sesi Cabutan Kerja Undi Perdana 2022 JKR Pulau Pinang Kali Ketiga di sini 26 Mei lalu.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Pengarah JKR Pulau Pinang, Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid dan Pengarah Unit Integriti Pulau Pinang, Mohd. Faizal Che Meh.

Menurut Zairil, kerja-kerja yang ditentukan melalui majlis berkaitan adalah bernilai antara RM20,000 hingga RM100,000.

"Dengan adanya peruntukan ini, Kerajaan Negeri berharap kualiti penyelenggaraan infrastruktur dan bangunan di Pulau Pinang dapat dipertingkatkan.

"Besar harapan saya agar pihak kontraktor menjalankan kerja dengan penuh tanggungjawab serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di samping menekankan aspek integriti," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjong Bunga.

# Karipap Mutiara sedap hasil maklum balas pelanggan

**BIASANYA** inti karipap kalau tidak ubi kentang, mungkin berisi sardin. Akan tetapi jenama 'Karipap Mutiara' yang kian tular serta menjadi buah mulut sekalian natizen terutama di negeri Pulau Pinang menawarkan 21 jenis inti mengikut selera pelanggan.

Ubi keledek, ketam, sosej, ayam, lembu, sotong, kerang, udang, kambing dan rusa antara variasi inti Karipap Mutiara.



PREMIS Karipap Mutiara.


FAISAL Hashim.

**FAISAL HASHIM**, 48, berkata bahawa Karipap Mutiara adalah perniagaan beliau bersama-sama anggota keluarganya di Jalan Larut dekat Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sejak sembilan tahun lepas.

Sebelum itu, beliau memberitahu bahawa Karipap Mutiara turut boleh didapati di Taman Chai Leng, Perai pada waktu operasi perniagaan yang sama iaitu Isnin hingga Jumaat bermula jam 1.30 petang hingga 6.30 petang.

"Kepelbagaian inti dalam Karipap Mutiara ini pun adalah hasil maklum balas pelanggan setia kami.

"Tidak ada apa-apa resipi istimewa, saya cuma belajar kaedah asas untuk membuat inti karipap, kemudian saya ubah suai ikut selera pelanggan.

"Macam (inti) kambing dan rusa, mula-mula saya buat tidak banyak, bergantung kepada tempahan awal pelanggan sahaja.

"Tetapi, apabila dari semasa ke semasa untuk satu-satu inti karipap itu ada permintaan tetap, itu yang boleh jadi pelbagai inti karipap (untuk jenama) Karipap Mutiara," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** (jurugambar) sambil menganggap bahawa maklum balas sekalian pelanggan tetap menjadi salah satu faktor produk makanan itu kian tular.

## Jaga kualiti

Menetap di Tasek Gelugor, anak jati 'Tanjong' itu berkata bahawa setakat ini, semua jenis inti karipap itu dimasak sendiri di rumahnya.

"Saya sekeluarga sendiri masak semua inti di rumah, bermula seawal 7 pagi dan ambil masa lebih empat jam.

"Saya tak 'lepas' hal memasak semua inti ini kepada orang luar sebab nak menjaga kualiti dan kepercayaan pelanggan setia kami.

"Pernah suatu masa, kita bagi kepada satu pihak untuk goreng karipap di gerai lain… goreng karipap tidak guna banyak minyak dan minyak tidak boleh ulang pakai terlalu lama.

"Lama-kelamaan, maklum balas pelanggan kata Karipap Mutiara 'ada bau' dan apabila kita semak, rupa-rupanya pihak yang ambil karipap beku langsung daripada kita ulang pakai minyak masak terlalu lama sebab nak 'berjimat'.

"Sejak itu, saya sendiri dengan dibantu oleh isteri dan anak-anak yang menguruskan hal menggoreng karipap di sini (Jalan Larut) dan Taman Chai Leng," ujarnya.

## Harga murah

Percaya tidak percaya, Karipap Mutiara dengan inti kambing dijual pada harga semurah RM1.40 sebiji.

Maka, tidak hairan Karipap Mutiara yang sedap lagi murah pernah tular di media sosial selain beberapa media arus perdana seperti rancangan Borak Kopitiam @ TV3, TV1, NTV7, Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro dan sebagainya.

"Kerja-kerja mempopularkan produk Karipap Mutiara ini, saya tidak pernah buat sendiri sama ada di *Facebook* atau media hipster yang lain, tetapi terima kasih kepada pelanggan-pelanggan yang terus memberi sokongan serta maklum balas menarik.

"Di samping itu, perlu juga saya beritahu di sini bahawa selepas 17 tahun saya berniaga (di Jalan Larut dan Taman Chai Leng), baru kami menaikkan harga daripada RM1 sebiji kepada RM1.20, seterusnya RM1.40 hingga kini.

"Walaupun pelbagai harga barang 'tidak sama seperti dahulu', tetapi lihat juga (sentimen) pelanggan saya dan jangan hanya nak kejar untung berganda sahaja," ulasnya lanjut.

Tambah Faisal, berkat kesabaran dalam membina kesetiaan pelanggan, kini tiap-tiap hari di Jalan Larut sahaja boleh menjual sekitar 1,600 biji 'Karipap Mutiara'.

"Saya kejar pelanggan setia terutama mereka yang beli 10 biji sekali gus, dengan memberi sebiji karipap secara percuma.

"Mana ada orang jual karipap dengan saiz besar dan inti ayam atau kambing dengan harga RM1.40 sebiji.

"Walaupun untung saya 'nipis' (dengan harga jualan RM1.40 sebiji), apabila lebih banyak biji dapat dijual tiap-tiap hari, pulangan tetap berbaloi.


PENYEDIAAN karipap.

"Macam sebelum ini saya kata, paling penting pelanggan setia dan puas hati makan 'Karipap Mutiara'," seloroh beliau.

## 'Jadi buruan pelancong'

Kini, Faisal menyatakan bahawa jenama Karipap Mutiara bukan sahaja menjadi buruan pelancong domestik, bahkan pengembara antarabangsa.

"Pelanggan setia kami sekarang bukan sahaja datang dari Kuala Lumpur dan negeri Johor sahaja, (malah) ada dari (Republik Rakyat) China, Jepun, Jerman dan sebagainya.

"Ketagih…itu maklum balas mereka (pengembara antarabangsa), macam sepasang pelancong dari Jerman kalau seminggu di Pulau Pinang, tiap-tiap hari akan makan di gerai lima biji dan bungkus 10 biji," ujarnya.

## Harapan

Tanpa menoleh ke belakang lagi, jika jualan harian di kedua-dua gerai dekat Jalan Larut dan Taman Chai Leng kekal mencecah 3,000 biji, beliau sekeluarga akan selangkah lagi ke depan dengan memberi lebih tumpuan kepada pengeluaran produk Karipap Mutiara secara sejuk beku pula.

"Jaga kualiti produk dan kita mengembangkan perniagaan secara berperingkat.

"Macam sekarang, memang ada pelanggan tetap dari Kuala Lumpur kalau ke Pulau Pinang, akan membeli karipap sejuk beku 60 hingga 70 biji sekali gus.

"Baru-baru ini, saya terpaksa beritahu seorang pelanggan bahawa kalau nak karipap sejuk beku sampai 2,000 biji sekali gus, memang kena beritahu awal dua minggu sebab saya perlu masa yang cukup untuk tingkat pengeluaran produk sejuk beku *(frozen)* dari rumah," katanya.

Sebarang maklum balas atau tempahan Karipap Mutiara Jalan Larut, George Town boleh dibuat secara dalam talian 012-4465 599/017-4649 817 atau 019-4917 727 (Karipap Mutiara Taman Chai Leng).

# Destinasi pelancongan mampu milik, fokus MAH Penang Chapter

**SEPERTI** diketahui umum, sektor pelancongan antara yang paling teruk terjejas dek Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama hampir dua tahun.

Turut terkena tempias adalah sektor-sektor rantaian berkaitan seperti bidang perhotelan kerana tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Namun, **Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Penang Chapter**, **TONY GOH** dalam temu ramah bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** memberitahu bahawa kedua-dua sektor tersebut seakan-akan bernafas semula bermula pada fasa endemik baru-baru ini.



TONY Goh.

Dalam sesi temu ramah selama satu jam berkaitan, Tony menyatakan bahawa sektor pelancongan dan perhotelan boleh diibaratkan seperti seorang bekas pesakit di 'Unit Rawatan Rapi' (ICU) yang sedang dipulihkan di wad biasa kini.

"Kami sebagai pemain industri berharap Kerajaan Pusat membantu kami keluar dari 'wad' sekarang.

"Antara isu diketengahkan termasuk gaji minimum RM1,500 untuk ditangguhkan sekurang-kurangnya enam bulan lagi supaya (kedudukan kewangan firma) kami lebih stabil.

"Ini kerana, apabila ditambah dengan sistem *'point'* setiap hotel, sebenarnya pekerja menerima bayaran yang lebih walaupun gaji pokok adakalanya kurang daripada RM1,500," ujarnya membuka bicara.

## Taklifan sebagai Presiden MAH Penang Chapter

Sejak menerima pelantikan sebagai Presiden MAH Penang Chapter pada Mac lepas, beliau dihambat pelbagai komitmen dan kini kian sibuk dengan pelan pemulihan semula sektor perhotelan.

"Kebetulan pula pintu sempadan negara baru dibuka baru-baru ini, jadi keadaan sedikit sibuk dan membuka peluang kepada perniagaan.

"MAH Penang Chapter kini sedang bekerjasama dengan *Penang Global Tourism* (PGT), MOTAC (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) dan persatuan-persatuan agensi pelancongan berkaitan.

"Sementara, PGT giat (membantu MAH) mempromosikan produk pelancongan berkaitan sekitar pulau dan Seberang Perai, selain itu kami memberi fokus menjadikan Pulau Pinang sebuah destinasi pelancongan mampu milik,'' ulasnya lanjut.

## Peluang pekerjaan

Di samping itu, beliau bersyukur kerana sektor pekerjaan dalam industri pelancongan negeri turut mula berkembang.

Menurut Tony, kini tidak lagi seperti waktu pandemik yang menyaksikan ramai pekerja dalam sektor itu hilang pendapatan, sementara majikan-majikan pula terpaksa mengecilkan operasi perniagaan demi memperbaiki kedudukan kewangan syarikat.

Mengenang PKP selama hampir dua tahun lepas, Tony memuji usaha Kerajaan Negeri melalui Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin bersama-sama sekalian pemain industri dalam melancarkan program 'Jom Cari Kerja' yang merangkumi sektor pelancongan dan perhotelan.

"Kita sedar industri ini memerlukan tenaga kerja yang cukup ramai, tambahan pula kebanjiran pelancong dari Timur Tengah dijangka berlaku pada Julai ini.

"Oleh itu, kita juga bekerjasama dengan *Malaysia International Travel Mart* (MITM) untuk menggunakan peluang ini sebaik mungkin bagi mempromosikan Pulau Pinang dengan lebih meluas," ujarnya.

## Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang

Selain itu, Tony berharap melalui Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi yang murah dan berpatutan.

"Promosi ini melibatkan Tapak Warisan Dunia UNESCO, alam semula jadi dan taman tema serta aktiviti mencabar bukan pada makanan semata-mata.

"Ia memerlukan sedikit masa lagi, sekarang kita lihat kehadiran pelancong asing banyak dari Indonesia, Singapura dan Thailand mungkin ambil sedikit masa lagi kerana berikutan dokumentasi melibatkan pas perjalanan.

"Selain itu, difahamkan YB Yeoh (Soon Hin) juga sedang berbincang dengan *Turkish Airline* mengenai laluan pesawat ke sini dan kita menyambut baik syarikat penerbangan, *Firefly* dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pesawatnya,'' jelasnya.

